



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 30 OGOS 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	THOUSAND OF FISH DEAD IN PENANG, VIEWS, THE STAR -15	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	FAMA TANGANI ISU LAMBAKAN DURIAN, NEGARA, KOSMO -16	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	ISU MONOPOLI, ORANG TENGAH TEKAN PESAWAH, DALAM NEGERI, UM 1 & 3	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
4.	AGROBANK AKTIFKAN PROGRAM TEMA KEMERDEKAAN, NASIONAL, SH -23	AGROBANK
5.	AGROBANK BAWA KELAINAN KALI INI, LOKAL, HM -11	
6.	NAFAS MAMPU KUKUHKAN KETERJAMINAN BEKALAN AYAM PEDAGING, LOKAL, HM -19	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
7.	NAFAS MAMPU BANTU JAMIN BEKALAN AYAM PEDAGING SELURUH NEGARA, NASIONAL, SH -22	
8.	145 PETAK SAWAH PADI JADI INAP DESA, RESORT, DALAM NEGERI, UM -10	LAIN-LAIN
9.	VETEREN ATM DIGALAK TERLIBAT PERTANIAN BERKELOMPOK, KOPERASI, NEGARA, KOSMO -4	
10.	PEMILIK DUSUN TERSENYUM LEBAR RAIH HASIL MUSIM KEDUA, DALAM NEGERI, UM -33	
11.	KELAPA SAWIT, NANAS LEBIH UNTUNG, DALAM NEGERI, UM -10	
12.	PLANKTON JEJAS REZEKI NELAYAN, NEGARA, KOSMO -16	
13.	TAMAN MINI SAYUR SEGAR GUNA BAHAN TERPAKAI, GAYA TANI, UM -26	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Thousands of fish dead in Penang

Although non-toxic, recent pink algae bloom believed to be the cause of death

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Thousands of fish were found dead along the shore in Teluk Bahang, believed to be due to the recent bloom of pink algae.

Universiti Sains Malaysia (USM) Centre for Marine and Coastal Studies (CEMACS) director Prof Datuk Dr Aileen Tan said while the algae was not known to have any direct toxicity or toxic effects, it was possible that the fish died due to high levels of discharge by

the plankton.

"I understand that there was a smelly stench in the mud; that was why the bottom dwellers were affected first," she said.

Tan said the phenomenon, considered a red tide bloom, had occurred in April during the hot spell with some amount of rain having brought nutrients from the land to the ocean.

"It is more intense this time compared to April because it happened during neap tide (compared to spring tide in April).

"The blooms were not drifted

or carried away by the tides or waves this time," she said.

Tan said several fish that were washed ashore and retrieved by the centre were found to be in a state of asphyxiation with their mouths wide open.

"We found them deprived of oxygen, resulting in unconsciousness or death due to suffocation."

On Saturday, beachgoers and fishermen in Teluk Bahang were taken aback when they discovered thousands of dead fish along the shore.

A homestay operator who

wished to be known only as Atan, 65, said about 20kg of fish were found dead in his pond before he found more lying lifelessly along the shore.

"At first, I thought the water in my pond was contaminated, but a fisherman later told me that thousands of dead fish had been floating in the sea nearby.

"This is the first time that such an incident has occurred in my 20 years of operating the business here," he said.

On the same day, Cemacs deputy director Dr Annette Jaya Ram

spotted the pink tide in Teluk Bahang, believed to be the algae bloom.

The Star also published aerial photos in April showing these widespread, thick streaks of garish pink algal blooms encroaching on the sea around Penang.

Scientists confirmed that it was non-toxic and not a threat to marine life beyond being an irritant. They also confirmed that the algae is Noctiluca scintillans. It is not toxic to humans and fish caught near Penang are still safe to eat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Isu monopoli, orang tengah tekan pesawah

Oleh FITRI NIZAM

fitri.nizam@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Para pesawah mesti dibebaskan daripada isu monopoli dan 'orang tengah' yang menghipit golongan tersebut sejak puluhan tahun lalu sehinggakan 90 peratus daripada mereka hingga kini masih kekal berstatus B40.

Kedua-dua isu itu adalah antara punca utama golongan pesawah kian hilang minat untuk terus memerah keringat dalam industri pertanian yang menyumbang kepada keterjaminan makanan negara.

Dalam masa sama, kerajaan disaran mewujudkan akta larangan menjual atau menukar status tanah pertanian khususnya industri padi sebagai penyelesaian dalam isu kawasan pertanian padi semakin mengecil saban tahun.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Felo Laboratori Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Fatimah Mohamed Arshad berkata, tindakan menukar status tanah tersebut adalah disebabkan golongan berkenaan terdesak.

Katanya, ini kerana 90 peratus pesawah adalah kumpulan B40 dengan purata hasil padi menurun kepada 3.6 tan sahaja.

Bersambung di muka 3

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Isu monopoli, orang tengah tekan pesawah

Dari muka 1

Katanya, struktur pasaran beras yang dilaksanakan secara berpusat adalah tidak mesra golongan pesawah untuk menjadi usahawan.

Pada masa sama ia tidak memberi peluang kepada orang muda menginovasikan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk memudahkan sistem bekalan.

"Walaupun kerajaan meningkatkan subsidi kepada pesawah namun jika hasilnya sedikit maka pendapatan mereka juga rendah.

"Semua lapisan dalam industri sawah padi dikawal oleh pihak tertentu yang mengaut keuntungan berlipat ganda daripada hasil titik peluh petani.

"Contohnya, agihan input (baja) dikawal oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) sejak 50 tahun lalu.

Disebabkan isu kelewatan pengagihan baja, peningkatan harga sehingga 200 peratus menyebabkan pesawah terdesak.

"Sama juga dalam isu benih, terdapat 11 pembekal dan pengilang yang mengawal turun naik harga pasarnya. Mereka ada kuasa main harga," katanya.

Beliau berkata, sehingga kini hanya terdapat sekitar 170 kilang beras di seluruh negara yang mengumpul hasil usaha pesawah dengan potongan pemutuan sehingga 20 peratus.

Katanya, ia tidak termasuk isu mesin tuai besar berusia 30 tahun dibawa masuk dari Belanda yang mempunyai kadar tumpahan padi sekitar 20 peratus hingga menyebabkan kerugian hasil kepada pesawah.

"Hasil yang diperoleh pula dijual kepada 'tauke' kilang, petani hilang lagi 20 peratus (hasil pendapatan).

"Mereka (pengilang) 'perkudakan' petani. Ia adalah salah struktur, kesan polisi yang mengongkong hidup petani menjadi punca ia jadi begitu," katanya sambil memberitahu ia tidak termasuk faktor lain antaranya perubahan iklim dan kaedah *single chopping*.

Sementara itu, Pengerusi Badan Bertindak Petani MADAN, Che Ani Mat Zain berkata, kerajaan perlu mewujudkan akta larangan terhadap penjualan atau penukaran status tanah bendang yang menjadi penyumbang kepada penyusutan hasil padi di bawah kendalian Lembaga Kemaajuan Pertanian Muda (MADA) mencecah 750,000 tan metrik sejak lima tahun kebelakangan ini.

Katanya, jumlah tersebut melibatkan purata penyusutan hasil sekitar 150,000 tan metrik setahun sejak 2019.

"Pada asalnya sememangnya sudah ditetapkan bahawa tanah pertanian tidak dibenarkan ditukar status namun penguatkuasaannya terlalu lemah. Sepatutnya memang tidak boleh (tukar status) kerana kerajaan perlu memikirkan soal masa depan ketahanan makanan negara.

"Mungkin sudah tiba masanya kerajaan mewujudkan akta melarang pemilik bendang daripada menjual atau menukar status tanah tersebut untuk tujuan lain bagi mengelakkan krisis ketenteraman makanan di negara pada masa depan," katanya.

Che Ani berkata, penyusutan hasil padi akan menyebabkan kerajaan terbeban apabila terpaksa mengimport lebih banyak beras untuk menampung keperluan rakyat Malaysia dalam keadaan nilai mata wang Ringgit semakin menyusut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	23

Agrobank aktifkan program tema kemerdekaan

KUALA LUMPUR – Bagi menghargai pelanggan setia sepanjang bulan kebangsaan ini, Agrobank melaksanakan pelbagai inisiatif dan program bertemakan kemerdekaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, antara program dilaksanakan adalah *Campaign Snap & Win Merdeka Agrobank 2023*.

Menurutnya, kempen pertandingan mengambil foto menarik bertemakan kemerdekaan 2023 dan perarakan Hari Kebangsaan 31 Ogos dianjurkan bagi menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat.

"Pemenang akan dipilih berdasarkan jumlah 'likes' tertinggi, foto dan kapsyen menarik dengan tarikh penyertaan bermula 31 Ogos hingga 7



Foong Hinn (tiga dari kiri) bersama Tengku Ahmad Badli (dua dari kiri) menampilkan logo Agrobank sempena perarakan Kereta Antik Agrobank di Menara Agro Bank, Kuala Lumpur pada Isnin.

September depan.

"Penjurian akan dijalankan pada 11 September manakala penyampaian hadiah adalah pada Hari Malaysia iaitu pada 16 September," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar selepas

Pelancaran Flag-Off dan Perasmian Perarakan Kontinjen Kereta Antik Agrobank di Menara Agro Bank, di sini, pada Isnin.

Program berkenaan dilancarkan Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan

Makanan, Chan Foong Hin.

Bagi menyemarakkan lagi bulan kemerdekaan, Tengku Ahmad Badli berkata, dengan bertemakan 'Wajah Kita Harapan Negara', seramai 100 kakitangan Agrobank terabit dalam perarakan sambutan Hari Kebangsaan di Dataran Putrajaya pada 31 Ogos.

"Tahun ini, Agrobank menampilkan 30 kenderaan klasik iaitu kereta antik daripada pelbagai model.

"Kakitangan Agrobank juga akan memperagakan pakaian kebangsaan berbilang kaum dan bangsa sebagai simbolik terhadap ke-rukunan etnik pelbagai bangsa di negara ini.

"Selain itu, Agrobank turut memperkenalkan Kad Takaful Kasih Plus Edisi Merdeka," katanya. - *Bernama*

Oleh Mohammad
Khairil Ashraf Mohd
Khalid
khairil.ashraf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur


Bagi menghayati Hari Kemerdekaan serta sambutan yang menggalakan diterima tahun lalu, Agrobank sekali lagi menyertai perarakan dan perbarisan di Dataran Putrajaya dengan sedikit kelainan.

Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, ia menampilkan 30 kereta antik daripada pelbagai model dalam perarakan kali ini.

Katanya, dengan mengangkat tema 'Wajah Kita Harapan Negara', seramai 30 peserta yang terdiri daripada Agrobank akan turut memperagakan pakaian kebangsaan berbilang kaum dan bangsa di Malaysia seperti kaum Iban, Melayu Kelantan, Pahang, Selangor, kaum India dan Cina.

"Mereka akan menaiki kereta antik yang disediakan oleh kami dari pelbagai zaman sebelum kemerdekaan hingga selepas kemerdekaan," katanya kepada pemberita selepas majlis upacara *flag off* perarakan kontinjen Kereta Antik Agrobank di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin.



KAKTAMAGAN, Agrobank mengibarkan Jalur Gemilang pada perarakan program acara perarakan kontinjen Kereta Antik Agrobank.



FOONG Hin (kanan) bersama Tengku Ahmad Badli Shah merasmikan acara perarakan kontinjen Kereta Antik Agrobank sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-66. - Gambar NSTP/ROHANIS SHUKRI

Agrobank bawa kelainan kali ini

Tampilkan 30 kereta antik dan barisan warga kerja yang memperagakan pelbagai busana budaya etnik di Malaysia

Mengulas lanjut, Tengku Ahmad Badli berkata, seramai 30 peserta yang terdiri daripada Agrobank akan turut memperagakan pakaian kebangsaan berbilang kaum dan bangsa di Malaysia seperti kaum Iban, Melayu Kelantan, Pahang, Selangor, kaum India dan Cina.

"Mereka akan menaiki kereta antik yang disediakan oleh kami dari pelbagai zaman sebelum kemerdekaan hingga selepas kemerdekaan," katanya kepada pemberita selepas majlis upacara *flag off* perarakan kontinjen Kereta Antik Agrobank di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin.



Mereka akan menaiki kereta antik yang disediakan oleh kami dari pelbagai zaman sebelum kemerdekaan hingga selepas kemerdekaan"

Tengku Ahmad Badli Shah

bangsaan. Beliau berkata, pemegang akan dipilih berdasarkan jumlah *likes* terdagi, gambar dan kapsyen yang menarik serta tarikh penyertaannya dibuka bermula 31 Ogos hingga 7 September 2023.

Selain itu, turut dilancarkan pada majlis ini adalah Kad Takaful Kasih Plus Edisi Merdeka Agrobank.

Tengku Ahmad Badli berkata, kad istimewa ini menampilkan pelbagai pelan perlindungan kemalangan diri bersama manfaat keperbelanjaan pengembalian, hilang upaya kekal, perbelanjaan perubatan dan elaan hospital.

"Dengan bayaran sumbangan takaful serendah 3 sen sehari, pelan perlindungan 24 jam seluruh dunia ini merangkumi kemalangan menyeluruh sehingga RM306,000," katanya.

Beliau memaklumkan, sehingga kini kira-kira 28,000 pelanggan telah melanggan takaful ini daripada pelbagai pakej yang ditawarkan.

30/8/2023

HARIAN
METRO

LOKAL

19

Nafas mampu kukuhkan keterjaminan bekalan ayam pedaging

Muar: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yakin penglibatan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dalam rantaian nilai ayam melalui anak syarikatnya Medan Juara Sdn Bhd (MJSB), mampu membantu memperkukuh keterjaminan makanan negara khususnya dalam pembekalan ayam pedaging.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata walaupun jumlah bekalan tidak besar, ia dilihat dapat membantu pengusahaan kecil-kecilan yang terlibat dalam sektor itu.

"Nafas akan terus terlibat dalam industri ayam pedaging dan harga ayam sekarang pun sudah mulai stabil kalau naik pun ti-

dak sampai ke harga syiling, jadi saya berterima kasih kepada semua pihak terlibat, penter-nak besar serta penter-nak kecil yang menyebabkan harga ayam dan telur ter-awal.

"Kita mahu Nafas, Lem-baga Pertu-buhan Pela-dang (LPP) dan Lembaga Pemasaran

Pertanian (Fama) berganding bahu bagi memastikan keterjaminan makanan pada masa hadapan," ka-

tanya selepas menghadiri Pro-gram Santai Pela-dang Kement-rian Pertanian dan Keterjami-nan Makanan bersama Pe-

mimpin Peladang Zon Se-latan 2023, kelmarin.

Turut hadir Pengerusi LPP Datuk Mahfiz Omar, Pengerusi Jemaah Penga-rah Nafas Zamri Yaakob, Ketua Pengarah LPP Datuk Azulita Salim dan Pengu-rus Besar Nafas Muham-mad Faris Ariffin.

Terdahulu, Mohamad menyerahkannya peruntukan daripada LPP bernilai RM2.35 juta kepada Nafas bagi

Projek Menaik Taraf Bangu-nan Pusat Pe-netasan Anak Ayam (komp-leks peneta-san) yang di-kendali syarikat subsidiari Nafas, Medan Juara Sdn Bhd

(MJSB). MJSB yang beroperasi mengeluarkan anak ayam pedaging berumur sehari atau dikenali sebagai day old chicken (DOC) merupa-kan syarikat usaha sama utama Nafas dan Pertubu-han Peladang Negeri Johor serta beberapa Pertubuhan Peladang Negeri.

Sementara itu, Zamri da-lam ucapannya menzahir-kan penghargaan atas pe-runtukan yang diberikan menerusi Program Pemer-kasaan Ladang Satelit Per-tubuhan Peladang berke-naan di bawah Program Mekanisasi dan Automasi Agromakanan 2023.

Katanya kerja-kerja me-naik taraf kompleks pene-luasan itu telah bermula pada Julai lalu dan dijangka

siap hujung tahun ini, se-kali gus akan menjadi ba-ngunan yang lebih moden dan sistematik bagi proses meningkatkan kualiti anak ayam pedaging dan meme-lihara biosekuriti kompleks penetasan.

"Kapasiti semasa penge-luaran anak ayam pedaging MJSB adalah 500,000 ekor sebulan atau bersamaan enam juta ekor setahun. MJSB menyasarkan untuk meningkatkan pengelu-aran kepada tujuh juta ekor menjelang 2025 secara ber-peringkat

"Justeru, menaik taraf kompleks penetasan ini merupakan langkah pe-ningkat bagi memastikan pe-ningkatan pengeluaran da-pat dicapai pada tahun akan datang," katanya.

"Nafas akan terus terlibat dalam industri ayam pedaging"
Mohamad



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	22

NAFAS mampu bantu jamin bekalan ayam pedaging seluruh negara

MUAR - Penglibatan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dalam rantaian nilai ayam melalui anak syarikat milik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (KPKM), Medan Juara Sdn Bhd dilihat mampu membantu keterjaminan makanan terutama melibatkan bekalan ayam pedaging di seluruh negara.

Menurut Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabtu, biarpun jumlah pembekalan (ayam pedaging) tersebut tidak besar, namun ia diyakini mampu membantu dalam usaha menjamin keterjaminan makanan di negara ini.

Malah katanya, ia secara tidak langsung dapat membantu pengusaha kecil-kecilan dalam sektor berkenaan.

"Kita mahu NAFAS terus terlibat dalam industri ayam pedaging ini. Harga ayam sekarang pun sudah mulai stabil, kalau naik pun tidak sampai ke harga siling."

"Jadi, semua pihak terlibat, saya berterima kasih kepada penternak besar dan penternak kecil yang menyebabkan harga ayam dan telur terkawal."

"Oleh itu, kita mahu NAFAS, LPP (Lembaga Pertubuhan Peladang) dan FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian



Mohamad (tiga dari kiri) pada program Santai Peladang, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Bersama Pemimpin Peladang Zon Selatan 2023 pada Isnin.

Persekutuan) berganding bahu dalam memastikan keterjaminan makanan pada masa hadapan," katanya.

Mohamad berkata demikian selepas menghadiri program Santai Peladang Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Bersama Pemimpin Peladang Zon Selatan 2023 di sini pada Isnin.

bernilai RM2.35 juta kepada NAFAS bagi projek menaik taraf bangunan pusat penetasan anak ayam (kompleks hatchery) yang dikendalikan syarikat subsidiari NAFAS, Medan Juara Sdn Bhd (MJSB).

Untuk rekod, MJSB yang beroperasi mengeluarkan anak ayam pedaging berumur sehari atau dikenali sebagai *day old chicken* (DOC) merupakan syarikat usahasama utama NAFAS, Pertubuhan Peladang Negeri Johor serta beberapa Pertubuhan Peladang Negeri.

Ladang Ayam Baka MJSB mula beroperasi pada tahun 1995 dengan hanya memiliki dua buah reban ayam tertutup serta dua unit mesin pengeraman dan penetasan, sebelum ia ditingkatkan kepada 10 buah reban dengan kapasiti setiap reban ialah 10,000 ekor ayam baka atau Parent Stock.

Sementara itu, Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaakob dalam ucapannya menzahirkan penghargaan atas peruntukan yang diterima menerusi program Pemerkasaan Ladang Satelit Pertubuhan Peladang berkenaan dan berada di bawah Program Mekanisasi dan Automasi Agromakanan 2023.

Hadir sama Pengerusi LPP, Datuk Mahfuz Omar; Ketua Pengarah LPP, Datuk Azuilita Salim; Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Zamri Yaakob dan Pengurus Besar NAFAS, Muhammad Faris Ariffin.

Pada program berkenaan, Mohamad turut menyerahkan peruntukan daripada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

145 petak sawah padi jadi inap desa, resort

SHAH ALAM: Sektor pelancongan yang berupaya menjana pendapatan sehingga RM30,000 sebulan menyebabkan ramai pemilik atau pengusaha sawah padi di sekitar Sabak Bernam beralih ke sumber ekonomi tersebut daripada pertanian.

Malah potensi tersebut bukannya sesuatu yang baharu untuk diterokai, sebaliknya sudah dilakukan sejak 20 tahun lalu termasuk melalui rangsangan-rangsangan pernah ditawarkan oleh kerajaan negeri sebelum ini.

Justeru dalam tempoh tersebut pembukaan rumah inap atau *homestay* berkembang sehingga melibatkan keluasan sehingga kira-kira 176.04 hektar atau bersamaan dengan 145 petak sawah padi berbanding ke-

luasan keseluruhan bendang di negeri ini sekitar 18,480 hektar. Menurut Pengerusi Persatuan Pelancongan Sabak Bernam, Subani Marzuki, di Selangor khususnya di Sabak Bernam adalah antara tumpuan sektor pelancongan pertanian atau *agrotourism* yang menjana pendapatan lumayan.

“Di Sabak Bernam terdapat dua lokasi rumah inap ataupun resort iaitu di dalam ladang kelapa-sawit dan juga sawah padi. Namun, di kawasan sawah padi paling mendapat permintaan kerana pemandangannya unik.

“Terdapat 80 pengusaha yang berdaftar dengan persatuan, kira-kira 50 di kawasan sawah padi, selebihnya di kawasan seperti ladang kelapa sawit serta pantai dan kelong untuk kaki

pancing,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Beliau menambah, tawaran pendapatan dalam sektor tersebut adalah lebih baik berbanding pertanian, namun tidak keseluruhan kawasan tidak ngunkan sebagai rumah inap atau resort.

“Setiap pengusaha mengusahakan sebahagian daripada sebidang tanah sawah yang mereka miliki, iaitu tiga ekar (1.2 hektar) bagi setiap petak. Kebanyakan pengusaha hanya membangunkan separuh daripada setiap hektar untuk dijadikan rumah inap atau chalet dengan kuantiti antara satu hingga lima bilik.

“Ada kira-kira 10 pengusaha mengusahakan satu petak sawah padi sepenuhnya untuk

dibangunkan sebagai rumah inap yang boleh memuatkan sehingga 30 bilik dan sentiasa penuh pada setiap hujung minggu,” jelasnya.

Sementara itu, dalam tinjauan pemberita di sekitar kawasan sawah padi seperti di Tanjong Karang, Kuala Selangor dan Sungai Panjang, Sabak Bernam, selain mengusahakan *homestay* dan resort, terdapat pengusaha menjadikan sebahagian sawah padi sebagai aktiviti untuk tarikan pelancong.

Antara aktiviti tersebut adalah litar untuk penggemar sukan lasak iaitu pemanduan kenderaan pelbagai permukaan (ATV) serta kawasan berlumpur untuk acara sukaneka seperti ‘mengagau’ iaitu menangkap ikan keli, puyu dan belut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2023	KOSMO	NEGARA	4

Veteran ATM digalak terlibat pertanian berkelompok, koperasi

KUANTAN – Kementerian Pertahanan akan bekerjasama dengan pelbagai kementerian dalam usaha menggalakkan veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terlibat dalam model pertanian secara berkelompok atau melalui koperasi.

Timbalan Menteri Pertahanan, Adly Zahari berkata, dalam usaha memartabatkan kerjaya kedua veteran tentera khususnya dalam bidang keusahawanan itu kementerian juga sedia membantu usahawan veteran dari segi latihan menerusi Program Pemerkasaan Usahawan Veteran (Puvet) ATM.

“Sebagai contoh, terdapat sebuah koperasi tentera terlibat penanaman jagung seluas 14 hektar dan bagi projek itu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) telah menyalurkan peruntukan RM500,000 kepada koperasi terbabit bagi membolehkan mereka membeli peralatan pertanian.

“Justeru, kita galak model pertanian seperti ini (pertanian secara berkelompok atau melalui koperasi),” katanya ketika ditemui selepas Program Peduli



ADLY (duduk, kanan) melawat rumah veteran tentera sempena Program Peduli Veteran Peringkat Negeri Pahang di Taman Seri Mahkota Aman, Kuantan semalam.

Veteran Peringkat Negeri Pahang di Taman Seri Mahkota Aman, di sini semalam.

Menurutnya, antara kementerian yang wajar menjalinkan kerjasama termasuk Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Ekonomi, Kementerian Pembangunan Usa-

hawan dan Koperasi dan MAFS.

“Seramai 200 usahawan veteran telah dibantu tahun ini melalui kerjasama pelbagai kementerian. Mereka juga sentiasa dibantu dengan menambah ilmu keusahawanan melalui modul latihan yang disediakan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV),” ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Pemilik dusun tersenyum lebar raih hasil musim kedua

BALING: Pemilik dusun buah-buahan terutamanya durian, rambutan, doking dan manggis gem-bira apabila pokok yang ditanam mereka berbuah lebih lebat pada musim tuaian kali kedua tahun ini sekali gus menambah pendapatan untuk menyara keluarga.

Mohd. Ridzuan Husain, 50, berkata, pengeluaran buah durian kali ini lebih banyak berbanding musim lalu, tetapi pada masa sama terpaksa berlawan dengan haiwan perosak seperti kera dan tupai yang banyak merosakkan buah-buahan yang hampir masak.

"Pengeluaran durian kali kedua ini agak lumayan, ada lebih 1,000 biji berbanding sebelum ini hanya tiga pokok sahaja yang berbuah dan itu pun hanya beberapa biji sahaja buah yang elok untuk dijual.

"Kali ini rezeki untuk pemilik-pemilik dusun durian kerana



MOHD. ZAIDI HUSAIN sedang memilih buah durian yang dihantar oleh penduduk yang memiliki kebun ketika ditemui di **Kampung Teluk Temelah, Baling.** - UTUSAN/NORLIA RAMLI

hasil pengeluarannya banyak dan buah-buahan menjadi dengan elok dan cantik serta isinya sedap," ka-

banyak yang gugur sebelum sempat berputik.

Namun bagi Mohd. Ridzuan Abdul Rahim, 38, dia berdepan situasi sebaliknya apabila pengeluaran buah durian di kebunnya kali ini agak merosot disebabkan serangan haiwan terbahit.

"Haiwan perosak seperti kera dan tupai terlalu banyak dan telah merosakkan buah-buahan sehingga hasilnya merosot. Pengeluaran kali pertama sebelum ini hanya di kebun saya sahaja yang banyak buah berbanding kebun-kebun lain, tetapi kali kedua ini durian di kebun saya pula yang tidak menjadi," katanya.

Sementara itu, peraih buah-buahan, Mohd. Zaidi Husain, 44, berkata, buah durian pada kali pertama pengeluarannya beberapa bulan lalu tidak sebanyak berbanding pengeluaran kali kedua ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Kelapa sawit, nanas lebih untung

BAGAN SERAI: Hasil yang tidak setimpal mendorong pesawah di Kerian di sini menukar tanah sawah mereka kepada tanaman lain yang lebih menguntungkan seperti kelapa sawit, nanas, pisang dan tebu.

Seorang pesawah di Parit Haji Ismail 3 di sini, Hamid Yunan, 75, berkata, dia menukar tanah sawahnya seluas lapan ekar kepada kelapa sawit sejak 15 tahun lalu disebabkan modal untuk sawah semakin meningkat namun pulangannya tidak berbaloi.

Menurutnya, walaupun kerajaan mengumumkan kenaikan subsidi padi dari RM360 kepada RM500 satu metrik tan, namun hasil tuaian padi masih rendah.

Katanya, antaranya disebabkan padi kurang menjadi akibat serangan serangga perosak, harga racun yang masih tinggi, benih kurang berkualiti dan sebagainya.

"Pendapatan hasil padi berbanding kelapa sawit jauh bezanya. Padi hanya dituai dalam tempoh enam bulan sekali, jika padi tidak elok maka pendapatan selama enam bulan itu jauh lebih rendah berbanding tanaman kelapa sawit yang buahnya boleh dijual setiap 20 hari," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Pesawah di Kampung Parit Air Itam 2, Zainal Napiah, 63, berkata, dia menukar tanah sawah kepada kelapa sawit disebabkan kawasan sawahnya kerap mengalami masalah saliran air sehingga menjejaskan tanaman padi.

Katanya, sering kali berlaku masalah air akibat bekalan air tidak cukup dari Empangan Tasik Bukit Merah di sini.

"Sudah tiga musim saya buat bendang tapi tidak menjadi, semua modal habis begitu sahaja, jadi saya terpaksa tukar kepada kelapa sawit," ujarinya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2023	KOSMO	NEGARA	16

Fenomena air pasang merah punca ikan mati di Teluk Bahang

Plankton jejas rezeki nelayan

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

TELUK BAHANG – Nelayan di daerah ini mendakwa mereka mengalami kerugian teruk apabila tidak boleh turun ke laut ekoran fenomena air pasang merah disebabkan kemunculan plankton sejak Sabtu lalu.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Teluk Bahang, Johari Mohamad berkata, mereka langsung tidak dapat sebarang hasil sejak dua hari lalu kerana ikan tiada dan ada yang sudah mati.

Katanya, kebiasaannya, nelayan dapat menangkap pelbagai jenis ikan seperti kembung dan tengkerong sehingga 60 kilogram sehari yang membawa pendapatan RM200.

"Sejak Isnin nelayan sudah tak turun laut kerana fenomena ini. Ia pernah berlaku pada April lalu tetapi tidaklah sampai menjejaskan tangkapan pada kedudukan dua kilometer dari pantai Teluk Bahang.

"Sebelum ini ikan sangkar saja mati tetapi kali ini ikan langsung tak masuk pukat dan ada yang ditemui terapung kerana sudah mati," katanya kepada *Kosmo!*

Menurut Johari, nelayan percaya ikan itu mati disebabkan kesan air pasang merah atau hidupan berhijrah ke lokasi lain kerana kemunculan plankton.

Bagaimanapun, tambahnya, keadaan itu semakin berkurangan sejak semalam kerana kelebaran jalur merah itu sudah berkurangan daripada tiga kepada 1.5 meter.

"Fenomena ini memang jarang berlaku tetapi kali ini ikan di tepi batu pun langsung tiada. Kami



SEBAHAGIAN ikan yang ditemui mati akibat plankton.

harap ia tidak berpanjangan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Kajian Samudera dan Pantai Universiti Sains Malaysia, Prof. Datuk Dr. Aileen Tan berkata, kejadian berlaku disebabkan kemunculan sejenis plankton yang dikenali *Dinoflagellate*, *Noctiluca Scintillans*.

"Ia dijangka berlaku dalam tempoh lama kali ini kerana air mati di kawasan Teluk Bahang dan Teluk Aling.

"April lalu ia dikesan di Monkey Beach dan Teluk Aling tetapi ia berlaku sehari sahaja selepas dibawa arus ke tengah laut," katanya.



JALUR merah jelas kelihatan pada perairan Teluk Bahang dan Teluk Aling ekoran kemunculan plankton sejak Sabtu lalu.



FAMA bersedia untuk menetapkan harga lantai bagi durian sekiranya berlaku lambakan ekoran raja buah itu semakin banyak luruh ketika ini.

FAMA tangani isu lambakan durian

KUALA TERENGGANU – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sedia menetapkan harga lantai bagi durian sekiranya berlaku lambakan raja buah itu pada masa terdekat.

Pengerusi FAMA, Aminuddin Zulkipli berkata, ia bagi memastikan pengeluar durian terutama pekebun kecil masih dapat meraih keuntungan biarpun kecil.

Beliau berkata, FAMA juga menyediakan 14 pusat pemprosesan utama durian di seluruh negara bagi pelan alternatif menyelesaikan isu lambakan sekiranya senario itu berlaku dalam masa terdekat.

"Kita masih belum menetapkan lagi harga minimum itu memandangkan sekarang harga

masih terkawal kerana musim durian luruh masih melanda di beberapa negeri termasuk Terengganu.

"FAMA juga memiliki pusat pemprosesan yang boleh mengeluarkan produk berasaskan durian seperti tempoyak dan produk sejuk beku bagi membantu pengeluar berkenaan," katanya.

Menurut Aminuddin, FAMA turut berusaha memasarkan produk berkenaan ke pasar antarabangsa terutama China melalui pusat pemprosesan di Batu Kurau, Perak dan Jerantut, Pahang.

FAMA memiliki tenaga kerja yang mencukupi untuk berdepan dengan isu lambakan tersebut sekiranya berlaku.



SALAD ditanam di dalam botol air kitar semula.

Taman mini sayur segar guna bahan terpakai

Oleh INTAN SUHANA
CHE OMAR
intansuhana@med.uniba.com.my

TINGGAL di kawasan perumahan yang mempunyai rumah tanah terluas tidak menghalang Isyazuddin Ahd. Hamid untuk menanam puluhan sayur-sayuran. Berbekalan kreativitinya, bapa berusia 49 tahun itu menggunakan barangan terpalak seperti botol minuman dan pengisar lama bagi tujuan tersebut.

Antara sayuran yang ditanam di halaman rumah yang bersimam adalah sawi, kailan, pakchoy, bayam Brazil, lettuce, cili, limau kasturi, serai, pandan, halia, kunyit dan limau purut.

Katanya, minat bercucuk tanam sudah lama ada, namun segalanya bermula apabila negara dilanda wabak Covid-19.

"Kisahnya bermula apabila ketika PKP, kami mahu masak asam pedas, tetapi susah betul hendak cari daun kesum

"Jadi, saya tanam sendiri. Walaupun orang kata daun kesum susah hidup tetapi alhamdulillah saya berjaya menanamnya," katanya yang menetap di Bandar Bukit

g. Selangor.
u. dia mula
un pelbagai jenis
uran dengan
memafatkan
trangan terpakai
bagai wadah
naman.

Caranya adalah organ menggunakan dium tanah kompos dalam 1 dan habuk kelapa (cocopeat)

ISZAYNUDDIN Abd.
Hamid menunjukkan hasil
tuanian salad yang segar.

“Medium yang longgar memudahkan pembentukan akar.”

menurut nisbah 3:1.
Baja yang digunakan pula
adalah AB dan NPK 18:18:18.
"Pertama, saya gunakan
dulang semaian yang diisi
dengan tanah mengandung
cocopeat tinggi supaya
medium tersebut agak
longgar.

ISZAYNUDDIN Abd.
Hamid menunjukkan hasil
tuanian salad yang segar.

"Medium yang longgar memudahkan pembentukan akar. Buatlah lubang pada setiap bekas tapak semaian dan masukkan tiga biji benih. Tutup lubang tersebut dengan *vermiculite*," ujarnya.

Jelis Iszaynuddin, *vermiculite* adalah media yang dapat menggantikan sekam pada pot semaian.

Pada peringkat awal, seseorang ditelakan di tempat tidur dan apabila bertambah tua, dia akan duduk dan dipindahkan ke kawasan yang mempunyai cahaya matahari dengan perlindungan jaring hitam.

6. Tinja ayam pula membekalkan nutrisi pada tanah yang sangat diperlukan oleh pokok.

kadar kejayaan juga tinggi," katanya yang banyak belajar ilmu pertanian daripada pembinaan daripada Youtube. Bertongsi tips tanaman salad yang segar-bugar, dia menyayangi tanaman itu kerana, dengan mengemaskan rockwool yang dibeli secara dalam talian.

"Masukkan dua hingga tiga biji benih dalam lubang dan letakkan dalam bekas berisi air,"

"Medium yang digunakan adalah tanah kompos 6 dalam 1 dan juga baja AB untuk menyuburkan tanaman," katanya.

TIPS GUNA SEMULA TANAH TANAMAN

1. Bagi yang berpuasa, akan ada dua puasa, baik dari semula, nanti yang telah digunakan biasanya tidak ada, atau mungkin malah ada, tapi dengan menggunakan waktu istirahat yang lebih banyak.
2. Jemu, sehingga kering.
3. Gula, dengan domine, garam epson, phosphate rock dan juga ayam.
4. Domine dapat diambil, seperti tanah, tanah yang sudah tua, tumbukan adukan pada 6,5 hingga 70.
5. Garam epson mengkilap, pembuatkan kilap pada daun.
6. Phosphate rock yang tinggi mengkilap, pembuatkan kilap. Apabila akan silat, pokok dapat menyerap nutrisi dari tanah dan juga yang ada akan.
7. Tinga ayam pada pembuatkan nutrisi, pembuatkan nutrisi, diperikan oleh nutrisi.